



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

# BAB 5: METAFIZIK

UHS1022 | FALSAFAH DAN ISU SEMASA



# HASIL PEMBELAJARAN

01

Menghuraikan konsep dan perkembangan sistem-sistem Metafizik.

02

Menjelaskan kepercayaan dan hubungan antara Insan dengan Tuhan berdasarkan konteks Teologi/Kepercayaan/Akidah Kerohanian.

03

Menjelaskan hubungan antara Insan dengan Alam dalam konteks faham Kosmologi Silam dan Ekologi Semasa.

04

Menghubungkan kedudukan sistem Metafizik dalam perkembangan ilmu sains dan teknologi.





01

## DEFINISI | BIDANG PERBINCANGAN

Apa itu Metafizik?  
Bidang perbincangan Metafizik



# APA ITU METAFIZIK?



- Gabungan dua perkataan: Meta + fizik
  - Meta (*μετά* - *metá*) bermaksud “selepas” dan fizik(*φυσικά* - *physiká*) bermaksud “yang mengenai alam”
  - Meta = melampaui/melebihi/di atas
  - Fizik = alam bersifat material/fizikal;
  - Metafizik = suatu yang melampaui batasan fizikal.
- Metafizik kajian peringkat kedua (*second order studies*).
- Dua pengertian utama metafizik:
  - Berunsur falsafah – kajian pada peringkat yang paling abstrak, atau paling umum mengenai sesuatu perkara/fenomena/alam. Contoh: jauh ar kerusi, sebab dan akibat.
  - Berkaitan keagamaan – fenomena di luar alam nyata. Contoh: hidup selepas mati, syurga, neraka. Benda ghaib tidak boleh dibuktikan dengan deria yang bukan rasional dan empirikal.



# KONSEP METAFIZIK



Metaphysics is the branch of philosophy that examines;

**“ the fundamental nature of reality including the relationship between mind and matters, between substance and attribute, and between potential and actuality”**

*American Heritage Dictionary of the English Language* (5th ed.). 2011.  
Retrieved 24 November 2018.



# BIDANG PERBINCANGAN METAFIZIK



Suatu bidang falsafah yang mengkaji sifat  
**KEWUJUDAN DAN REALITI** sebalik jenis kewujudan.



## ONTOLOGI

Suatu pembelajaran mengenai kewujudan (yang berkaitan dgn fitrah makhluk (manusia)).



## KOSMOLOGI

Mengenai alam semesta fizikal atau kosmos secara keseluruhan.




## AKSIOLOGI

Teori nilai (Islam tentang lima hukum.)



02

# SISTEM METAFIZIK



# SISTEM METAFIZIK



- Secara umumnya perbahasan tentang Metafizik berkisar sekitar masalah ruang dan masa, sebab dan akibat, serta benda dan sifat.
- Dalam bahagian ini akan dibincangkan cabang Metafizik yang utama iaitu:
  - Mekanisme
  - Determinisme
  - Idealisme
  - Realisme
  - Indeterminisme
  - Teisme

# MEKANISME

- Proses mental untuk menerangkan sesuatu fenomena itu membayangkan kelakuan yang seragam yang boleh diterangkan dengan mudah dan saling berkait.
- Segala peristiwa yang berlaku, baik yang merangkumi benda hidup ataupun bukan, adalah menurut rentetan sebab dan akibat tanpa sebarang pengecualian.

# DETERMINISME

- '**determinism**' berasal daripada perkataan Latin 'terminus' yang bermaksud '**penghujung**.'
- Ia boleh ditakritkan sebagai satu fahaman falsafah yang menyatakan bahawa segala tindakan manusia boleh diterangkan secara sebab musabab psikologi, sosiologi atau lain-lain.
- Dalam erti kata lain, segala yang terjadi hanyalah mengikut hukum yang telah ditetapkan, tidak mungkin berlaku sebaliknya.

# IDEALISME

- Idealisme ialah nama untuk teori-teori falsafah yang berlandaskan kepada pendapat, yang menyatakan bahawa 'dunia luaran' (*external world*) hanyalah gambaran akal.
- Oleh itu, pengetahuan manusia tidak lebih daripada kesedaran idea (buah fikiran) dalam akal.

# REALISME

- Merupakan suatu doktrin yang menyatakan bahawa alam sejagat ini wujud secara nyata dan objektif.
- Dunia luaran ialah dunia yang nyata dan kewujudannya merdeka daripada akal pengetahuan manusia.
- Tidak boleh diakui adanya sesuatu perkara di sebalik alam nyata, jika ia tidak boleh dibuktikan dengan pengalaman.
- Penganut fahaman ini juga berpendapat, fikiran manusia mempunyai kepercayaan untuk menerima perkara yang agak serupa antara satu sama lain.

# INDETERMINISME

- Antitesis kepada determinisme. Mengikut fahaman ini, tidak semua tindak-tanduk manusia boleh diterangkan secara sebab dan akibat kerana manusia mempunyai hak untuk bebas memilih (*freewill*) dan menentukan kemahuannya.
- Segala fenomena di alam ini tidaklah semata-mata bergantung pada hukum sebab-musabab. Hukum sebab dan akibat dibatalkan oleh kejadian yang berpunca daripada diri sendiri.
- Ia tidak bersebab kepada keadaan sebelumnya dan ia tidak melibatkan Tuhan. Kebebasan memilih merupakan sesuatu yang spontan untuk mencapai kebahagiaan atau kebaikan.



# 03

## TEISME

Hubungan Insan dengan Tuhan



# HUBUNGAN VERTIKAL INSAN

- Dibincangkan dalam *natural theology* dan *philosophy of god*.
- Adakah Tuhan wujud?
- Teisme:
  - Fahaman bahawa Tuhan itu wujud, walaupun kewujudannya tidak dapat dikesan.
  - Monoteisme – Tuhan itu esa.
  - Politeisme – Tuhan wujud lebih dari satu.
- Ateisme:
  - Fahaman realiti alam tidak wujud, yang wujud hanya material.

# HUBUNGAN VERTIKAL INSAN

- Matlamat utama dalam falsafah agama adalah untuk meneliti dakwaan agama dalam persoalan berikut:-
  1. Adakah tuhan wujud? / Does God exist?
  2. Adakah kepercayaan agama mempunyai asas? / Is religious belief reasonable?
  3. Apakah kebiasaan pengalaman beragama? / What is the nature of religious experiences?
  4. Apakah dia nilai kepercayaan / What is the value of faith?
  5. Mengapa kejahatan itu wujud / Why does Evil exist?

# MAKNA TUHAN

- Pencipta alam, kekal, berkuasa, mengawal alam
- Sesuatu yg disembah dan kawal makhluk
- Bentuk/ patung yg disembah
- Sesuatu yg diberi perhatian keterlaluan

# MAKNA AGAMA

- Bahasa Latin:- religare, yang bermaksud untuk mengikat, untuk menyimpul "to tie, to bind."
- Cicero menghubungkan maksud agama dengan terma relegere, yang bermaksud untuk membaca berulang kali "to read over again".
- Sistem kepercayaan, amalan dan idelogi manusia
- Sesuatu institusi yang dipercayai
- Sikap dan perasaan seseorang terhadap satu kuasa ghaib

# FALSAFAH AGAMA DI BARAT

- E.B. Tylor dan James Frazer adalah dua daripada penyelidik terawal yang cuba mengembangkan teori sifat agama
- Mereka mendefinisikan agama sebagai system kepercayaan pada makhluk rohani
- Menurut Sigmund Freud, agama adalah bentuk neurosis jisim, iaitu gangguan mental yang ringan dan wujud hanya sebagai tindak balas kepada konflik dan kelemahan emosi yang mendalam.
- Emile Durkheim: "... agama adalah sistem kepercayaan dan amalan yang bersatu padu dengan perkara suci, iaitu perkara yang dibezakan dan dilarang."
- Durkheim bertanggungjawab membantu masyarakat barat untuk memahami bahawa agama berfungsi sebagai fungsi sosial yang penting. Oleh itu agama adalah simbol kepada realiti sosial.

# FALSAFAH AGAMA KARL MARX

- Menurut Marx, agama adalah salah satu institusi sosial yang bergantung pada material dan realitas ekonomi dalam masyarakat tertentu.
- Pendapat Marx tentang agama adalah mudah: ia adalah ilusi yang tujuan utamanya adalah untuk memberikan alasan, dan dalih (*excuse*) untuk menjaga agar masyarakat berfungsi sebagaimana adanya.



# FALSAFAH KEAGAMAAN

- Adakah agama hanya satu jenis falsafah?
- Adakah falsafah merupakan aktiviti keagamaan?
- Terdapat kekeliruan sama ada dan bagaimana agama dan falsafah harus dibezakan antara satu sama lain.  
**Adakah falsafah sama dengan agama?**
- Kekeliruan ini tidak boleh diabaikan kerana terdapat beberapa **persamaan** yang sangat kuat antara keduanya.



# FALSAFAH KEAGAMAAN



- Agama realitinya bukan terbatas pada material dan idea, merangkumi kedua-dua.
- Agama menolak fahaman materialisme.
- Namun, di sini difokuskan kepada aliran teologi yang biasa wujud pemikiran manusia, iaitu:
  - Agnostisisme: Pandangan bahawa ada atau tidaknya Tuhan adalah sesuatu yang tidak diketahui atau tidak dapat diketahui.
  - Ateisme: Kepercayaan yang menafikan kewujudan Tuhan.
  - Teisme: Kepercayaan akan wujudnya Tuhan atau dewa-dewi.
  - Realisme: Kepercayaan terhadap dunia tanpa ilusi atau sebarang penjelasan tertentu dunia seadanya.

# FALSAFAH KEAGAMAAN



- Idealisme: Kepercayaan bahawa realiti tidak boleh dipisahkan dari kefahaman dan persepsi manusia.
- Atomisme: Kepercayaan bahawa dunia fizikal terbentuk daripada komponen atom yang tidak boleh dirungkai.
- Pantheisme: merupakan pandangan yang menganggap bahawa tuhan adalah segalanya; kerana itu semua orang dan segala sesuatu adalah Tuhan (wahdat al-wujud).
- Politeisme: Kepercayaan kepada banyak Tuhan dan dewa-dewi.
- Monoteisme: Kepercayaan akan wujudnya hanya Satu Tuhan
- Pluralisme Agama: Kepercayaan yang menerima semua agama yang ada sebagai benar.


# TUHAN DAN KEJAHATAN

- Kejahatan bukanlah sesuatu yang positif di mana kebaikan itu telah hilang.
- Kekurangan nilai baik dalam sesuatu benda.
- Menimbulkan masalah kepada manusia dan makhluk lain.
- Yang bertentangan dengan Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Berkuasa.
- Kejahatan dalam Islam adalah sesuatu yang bertentangan dengan Syariah.
- Baik dan buruk dalam Islam dinilai dalam lima hukum, iaitu wajib, sunat, harus, makruh, dan haram-dosa dan pahala.



# 04

Hubungan **INSAN**  
dengan **ALAM**



# DEFINISI ALAM (KOSMOS)



- Ahli falsafah mendefinisikan alam sebagai kumpulan jawhar yang tersusun daripada benda dan surah [bentuk] yang ada di bumi dan di langit.
- Alam juga dipakai dengan maksud dunia, iaitu merujuk kepada bumi dan segala yang ada padanya dan yang ada di langit.
- Istilah alam semesta dipakai oleh al-Quran dengan ungkapan *al-samawat wal ard wa ma baynahuma* [langit dan bumi segala isi yang ada antara keduanya]. Dalam Surah al-Ma'idah [5: 17] Allah menyebut: "*wa lillahi mulk al-samawati wa al-ardi wa ma baynahuma*" [dan kepunyaan Allah sahaja kerajaan langit dan bumi serta segala apa yang ada antara keduanya].
- Pembahagian alam:
  - a. Alam zahir – lahirnya fahaman materialism dsbg.
  - b. Alam batin – lahirnya fahaman/agama theisme, animisme dsbg.

# KONSEP INSAN



- Karl Marx, seorang tokoh sosialis terkenal menyatakan bahawa manusia adalah makhluk sosial.
- Sosialisme melihat manusia berdasarkan falsafah materialisme yang menganggap bahawa dunia ini tidak ada selain *material* atau *nature* (alam). Oleh kerana itu, manusia adalah makhluk alamiah. Segala usaha manusia didorong oleh nafsu alamiah iaitu dorongan untuk hidup.
- Manusia adalah makhluk Allah SWT yang berasal daripada keturunan Adam dan Hawa.

# INSAN DAN ALAM




- Manusia Memiliki akal fikiran
- Mempunyai fizikal yang sempurna
- Tanggungjawab Insan ialah sebagai hamba dan khalifah untuk mentadbir alam
- Fungsi utama khalifah adalah untuk memakmurkan alam agar menjadi masyarakat berbudaya dan bertamadun-mendapat keredaan Allah SWT.



05

# METAFIZIK

Untuk Kemajuan Ilmu



# SAINTISME

- Ideologi materialistik yang menyamakan seluruh realiti dengan material.
- Kaedah sains harus diguna pakai untuk semua bentuk ilmu.
- Saintisme mempercayai bahawa metode dan pendekatan sains dapat diterapkan dalam segala hal. Sains adalah cara pandang dunia yang paling otoritatif atau paling berharga hingga menyingkirkan cara pandang lainnya.
- Menurut sudut pandang saintisme, metode induktif sains adalah satu-satunya sumber pengetahuan yang benar dan terutama.
- Saintisme mengalihkan kepercayaan orang terhadap agama dan mewujudkan pandangan dunia (worldview) baru-sekular.

# KRITIKAN TERHADAP SAINTISME

- Saintisme merosakkan ilmu yang bersepadu.
  - Konsep ilmu bersepadu melibatkan:
    - Sumber: ilmu wahyu + ilmu terpaan (reveal + acquired knowledge)
    - Penggunaan: menepati proses kehidupan + menepati nilai murni / dosa & pahala
    - Matlamat: Kesejahteraan hidup dunia & kebahagiaan akhirat
- Saintisme juga menghilangkan kebergantungan manusia terhadap Tuhan
  - Asas saintisme adalah sekular – pemikiran yang memisahkan nilai agama dengan kehidupan dunia
  - Semua teori sains dibina berdasarkan akal dan kajian empirikal tanpa rujukan kepada agama / Tuhan
- Perlunya kesimbangan dan kesepaduan untuk terselamat daripada saintisme-perlu menghargai dua aspek asasi kecerdasan: kecerdasan geometrik dan kecerdasan rasa-hati. Keseimbangan harus sentiasa dipelihara antara dua arah bertentangan akal manusia (Blaise Pascal m.1662).
- Hakikat sains dan agama perlu sepadu: Science without religion is blind-Albert Einstein.
- Dalam kesarjanaan Islam, seperti yang dirumuskan oleh Ibn al-'Arabi (m. 1240), al-Sha'rani (m. 1565) dan al-Zabidi (m. 1791), terdapat tiga tertib ilmu, yang diistilahkan 'ilm al-'aql, 'ilm al-ahwal, dan 'ilm al-asrar.


# TERTIB ILMU

- ‘ilm al-‘aql, ‘ilm al-ahwal, dan ‘ilm al-asrar.
- ilmu akal, ialah apa jua ilmu yang diperoleh sama ada secara naluri atau melalui proses berfikir.
- ilm al-ahwal, yang diperoleh dengan merasai atau mengecapi hal atau keadaan sesuatu. Contohnya ialah kemanisan madu, kepahitan jadam, kelazatan bersanggama, keasyikan cinta, dalamnya kasih, dan gelora rindu.
- ilm al-asrar, iaitu ilmu yang rahsia yang dizahirkan oleh Allah ke dalam hati-damir seseorang Nabi dan wali.
- Mereka yang arif tentang ‘ilm al-asrar, para nabi, dan para awliya’, adalah golongan yang berpandangan jauh dan bijaksana (hukama’) yang arif tentang segala ilmu dan memahaminya secara yang menyeluruh, seperti ilmu-ilmu ilahiyyat, sains tabii, matematik dan mantiq. “Justeru,” menurut Ibn al-‘Arabi, “tidak ada ilmu yang lebih mulia daripada ilmu yang serba mencakup yang mengandung segenap ma‘lumat (al-hawi ‘ala jami’ al-ma‘lumat)



06

# SENARIO & KAJIAN KES



# KERJA KUMPULAN

- Laksanakan temu bual kepada 10 orang dalam masyarakat kampus tentang pandangan atau pendapat mereka tentang perkara berikut:
  - Pandangan atau pemikiran mereka tentang aliran kepercayaan/ketuhanan.
  - Pandangan tentang kejadian alam berdasarkan pemikiran tokoh falsafah.
  - Pandangan fungsi manusia dalam perhubungan mereka dengan alam.
  - Peranan ilmu metafizik dalam perkembangan tamadun manusia.
- Pilihan: Bincangkan soalan di atas dalam kumpulan. Masa: 10 minit



# TERIMA KASIH

